

POLISI DAN PERUNDANGAN PENUBUHAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI BERASASKAN WAKAF: KAJIAN DI MALAYSIA DAN INDONESIA

(Policies and Legislation Concerning the Establishment of Higher Education Institutions Funded Through Waqf: Study in Malaysia and Indonesia)

Husna Mohd. Sa'adan
husnasaadan@siswa.um.edu.my

Siti Mashitoh Mahamood
mas68@um.edu.my

Jabatan Syariah dan Undang-undang,
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Zaharah Hussin
zaharah@um.edu.my

Jabatan Pendidikan Asas dan Kemanusiaan,
Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

Norwati Mansor
norwati@iium.edu.my

Fakulti Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Published online: 1 January 2019

To cite: Husna Mohd. Sa'adan, Siti Mashitoh Mahamood, Zaharah Hussin, & Norwati Mansor. (2019). Polisi dan perundangan penubuhan institusi pendidikan tinggi berasaskan wakaf: Kajian di Malaysia dan Indonesia. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 31(1), 157 – 183.

Abstrak

Pembangunan sesebuah negara sering diukur berdasarkan pembangunan institusi pendidikan tingginya (IPT). Kejayaan dan kelestarian tamadun Uthmaniyyah menunjukkan bahawa sistem pendidikan tinggi berasaskan wakaf membawa kesan positif kepada

© Dewan Bahasa dan Pustaka. 2019. This work is licensed under the term of the Creative Commons Attribution (CC BY) (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

masyarakat di Turki. Oleh itu, sistem pendidikan berasaskan wakaf mula dipraktikkan di kebanyakan negara termasuk Malaysia dan Indonesia. Artikel ini bertujuan menganalisis perundangan dan prosedur yang terlibat dalam penubuhan IPT berasaskan wakaf. Kaedah kualitatif yang dilaksanakan melibatkan universiti di Malaysia dan Indonesia sebagai kajian kes. Temu bual secara separa struktur digunakan sebagai kaedah kutipan data dan disokong dengan rujukan polisi yang diguna pakai dan dokumen perundangan yang berkaitan. Hasil kajian mendapati, masih tiada polisi khusus berkaitan penubuhan IPT berasaskan wakaf bagi kedua-dua negara. Penubuhan IPT berasaskan wakaf di Malaysia dibuat berdasarkan perundangan berkaitan seperti Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, statut wakaf dan statut yang berkaitan dengan Pentadbiran Agama Islam Negeri. Manakala penubuhan IPT berasaskan wakaf di Indonesia, kebanyakannya melibatkan institusi swasta dan ditubuhkan melalui yayasan.

Kata kunci: institusi pendidikan tinggi, wakaf, polisi dan perundangan

Abstract

A country's development is closely related to the development of its Higher Education Institutions (HEI). The success and continued existence of the influences of the Ottoman caliphate has shown that the waqf-funded educational system has had a positive impact in Turkey. This system has also been adopted in many countries, including Malaysia and Indonesia. The main objective of this study is to analyse the legislation and the procedures involved in the establishment of the waqf-funded HEI. This study was conducted using qualitative methods involving universities in Malaysia and Indonesia as case studies. Semi-structured interviews were used for data collection, supported by references to applicable policies and related legal documents. The findings of this study show that there are as yet no specific policies concerning the establishment of waqf-funded HEIs in both countries. Waqf-funded HEIs in Malaysia are established under the University and University Colleges Act 1971 and related regulations concerning waqf and



state Islamic religious administration, while in Indonesia they are mostly private insitutions established through foundations.

Keywords: higher education institutions, waqf, policies, legislation

PENDAHULUAN

Wakaf pendidikan termasuk dalam kategori wakaf kebajikan (*philanthropy*), iaitu wakaf yang bertujuan memberikan manfaat dan membuat kebajikan, khususnya untuk membela nasib mereka yang memerlukan. Sejarah perkembangan institusi pendidikan berasaskan wakaf bermula di masjid apabila Rasulullah SAW membina Masjid Quba' yang pertama dan kemudian Masjid al-Nabawi di atas tanah wakaf sebagai pusat penyebaran ilmu.¹ Menurut Ahmad Shalaby, Khalifah al-Ma'mun merupakan individu pertama mengemukakan idea menubuhkan badan wakaf untuk mengumpul dana atau pendapatan bagi membiayai institusi pendidikan dan institusi wakaf merupakan sumber kewangan utama untuk membiayai institusi pendidikan Islam pada ketika itu.

Menurut Siti Mashitoh dan Asmak, sesebuah IPT berasaskan wakaf perlu mempunyai perundangan atau peraturan yang tersendiri untuk mentadbir keseluruhan sistem dalam institusi tersebut.² Beberapa prinsip syarak yang digariskan perlu mengikut undang-undang supaya wujud arahan yang mengikat sebagai panduan kepada pihak universiti dan undang-undang yang diperkenalkan hendaklah jelas bersama-sama interpretasi.

Antara negara yang berpengalaman luas dalam pengembangan dan pembangunan harta wakaf termasuklah Mesir dan Turki. Wakaf menjadi antara faktor yang membantu ekonomi negara dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Sebagai contoh, wakaf Universiti Al-Azhar di Mesir merupakan contoh terbaik pembangunan dana wakaf dunia Islam yang dapat dimanfaatkan

- 1 Osman Sabran. (2002). *Pengurusan harta wakaf*. (p. 9). Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- 2 Siti Mashitoh, & Asmak Ab. Rahman. (2015). Financing universities through waqf, pious endowment: Is it possible?. *Humanomics*, 31(4), 438.



oleh mahasiswa dari seluruh dunia dan masih beroperasi sehingga kini. Contohnya, wakaf di Mesir diuruskan oleh Badan Wakaf Mesir yang berada di bawah Kementerian Wakaf dan antara kejayaan terbesar yang dicapai termasuklah berjaya meningkatkan ekonomi negara.

Selain Mesir, Turki juga merupakan sebuah negara yang menguruskan wakaf secara produktif. Wakaf di Turki diuruskan oleh Kementerian Wakaf yang bertanggungjawab untuk melabur di pelbagai syarikat terpilih, antaranya termasuklah syarikat yang berkaitan dengan industri minyak, hospital dan hotel. Hasil pelaburan wakaf digunakan untuk tujuan pendidikan seperti pemberian biasiswa kepada pelajar, kesihatan, pembangunan ekonomi rakyat, dan kepentingan sosial.³

Singapura yang mempunyai penduduk Islam minoriti merupakan antara negara yang berjaya mengembangkan dan membangunkan dana wakaf melalui instrumen kewangan Islam semasa seperti sukuk dan *The Indigenous Real Estate Investment Trust (I-REIT)*.⁴ Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) yang ditubuhkan pada tahun 1968 di bawah *Administration of Muslim Law Act (AMLA)* memainkan peranan utama menguruskan dan membangunkan harta wakaf,⁵ manakala anak syarikat MUIS, iaitu *Wakaf Real Estate Singapura (WAREES)* ditubuhkan untuk menjana harta wakaf secara komersial. Pada tahun 2012, MUIS melancarkan ‘Wakaf Ilmu’ melalui kutipan wakaf tunai yang diuruskan oleh komuniti wakaf. Sumbangan wakaf tunai yang diterima, kemudiannya dilaburkan dengan jumlah modal yang dilindungi. Menurut *Laporan Tahunan*

3 Ahmad Suwaidi. (2011). Wakaf dan penerapannya di negara Muslim. *Economic: Jurnal Ekonomi dan Hukum Islam*, 1(2), 30.

4 Shamsiah Abdul Karim. (2010). *Contemporary shari'ah structuring for the development and management of waqf assets in Singapore* (Unpublished doctoral thesis). Durham University, England.

5 Shamsiah Abdul Karim. (2011). Contemporary *waqf* administration and development in Singapore: Challenges and prospects. In Monzer Kahf, & Siti Mashitoh Mahmood (Eds.). *Essential Readings in Contemporary Waqf Issues* (p. 111). Kuala Lumpur: CERT Publications.



MUIS tahun 2015, MUIS mengagihkan lebih daripada \$160 000 kepada benefisiari yang terdiri daripada madrasah dan jumlah pendirian modal “Wakaf Ilmu” sejak tahun 2012 adalah sebanyak \$9.5 milion.⁶

IPT berasaskan wakaf di Malaysia dan Indonesia dilihat semakin berkembang. Amalan wakaf pendidikan dalam kalangan umat Islam di Malaysia dilaksanakan semenjak kedatangan Islam ke Tanah Melayu dan kini menjadi suatu tradisi positif yang perlu dikembangkan. Amalan wakaf pendidikan terdapat dalam pelbagai bentuk dan sifat. Antaranya termasuklah wakaf asrama pelajar, wakaf biasiswa, wakaf saraan, wakaf bangunan dan wakaf pembelajaran seperti buku, meja, dan lain-lain.⁷ Tambahan pula, amalan wakaf pendidikan di Malaysia bermula sejak penubuhan madrasah dan sekolah agama rakyat (SAR), termasuk pondok sebagai tempat untuk mempelajari agama, al-Quran dan kitab. Sebagai contoh, madrasah dan pondok yang dibina di atas tanah wakaf dan dibiayai ialah Madrasah Hamidiah (kini Ma’had Mahmud) di Kedah, Madrasah al-Sultan Zainal Abidin (kini Universiti Sultan Zainal Abidin) di Terengganu, dan Kolej Islam Malaya (kini Kolej Islam Sultan Azlan Shah) di Selangor.⁸

Di Indonesia pula, terdapat banyak institusi pendidikan yang ditubuhkan dan berkembang menggunakan harta wakaf. Antaranya termasuklah pesantren walaupun dalam bentuk yang masih tradisional. Kewujudan lembaga pendidikan pesantren masih menjadi suatu alternatif untuk melestarikan ajaran agama Islam di Indonesia. Antara langkah penting untuk meningkatkan kualiti sesebuah pesantren adalah melalui penyediaan prasarana yang mencukupi dan moden seperti makmal, perpustakaan dan kemudahan internet. Berdasarkan konsep yang sama dengan pesantren, madrasah juga merupakan sebuah lembaga yang menerapkan nilai agama. Cuma

6 Laporan Tahunan Majlis Ugama Islam Singapura 2015. (2015). Retrieved from <http://www.muis.gov.sg/About/annual-report.html> at 10 Jun 2017.

7 Ahmad Zaki, Norzaidi, & Che Zuina. (2008). Pengurusan harta tanah dan potensinya ke arah kemajuan pendidikan Islam di Malaysia. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 25 – 61.

8 Rosnani Hashim. (1990). Ekonomi dan pendidikan: Peranan institusi wakaf. *Jurnal Pendidikan Islam*, 47.



madrasah melalui pendekatan yang lebih moden bermula dari tahap rendah (*ibtida'iyah*), menengah (*tsanawiyah*) dan atas (*'aliyah*) yang kemudiaan dikembangkan pada tahap yang lebih tinggi, iaitu perguruan tinggi Islam seperti institut agama Islam negeri (IAIN) yang kini dikenali sebagai Universitas Islam Negeri (UIN) dan Universiti Islam Indonesia. Namun, madrasah masih mengalami masalah yang sama, iaitu kekurangan dana bagi penyediaan prasarana seperti perpustakaan yang lengkap dan yang lebih membimbangkan apabila kelulusan daripada perguruan tinggi dilihat masih kurang berkualiti.⁹ Oleh yang demikian, wakaf adalah antara cadangan terbaik untuk mengatasi masalah ini apabila institusi pendidikan mempunyai dana wakaf yang dapat membantu penyediaan prasarana dan perundangan yang lebih jelas demi memastikan perkembangan dan kelestarian institusi pendidikan berasaskan wakaf di Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan universiti di Malaysia dan Indonesia sebagai kajian kes. Menurut Yin,¹⁰ penggunaan reka bentuk penyelidikan kajian kes yang menggunakan data kualitatif sesuai apabila sesuatu kajian melibatkan pemerhatian individu atau unit terhadap satu kumpulan manusia, keluarga, masyarakat atau budaya. Sesuatu kajian kes mestilah memfokuskan subjek yang mempunyai sesuatu kriteria atau ciri yang ingin dikaji. Kajian kes ini menggunakan kaedah pensampelan bertujuan dalam temu bual yang dilaksanakan oleh mereka yang berpengalaman dan terlibat secara langsung menguruskan dana wakaf di universiti terpilih di Malaysia dan Indonesia seperti pengurus dan pentadbir yayasan wakaf.

Temu bual separa struktur digunakan sebagai kaedah memungut data supaya penyelidik mendapat maklumat terkini daripada

9 Kementerian Agama Republik Indonesia. (2013). Strategi pengembangan wakaf tunai di Indonesia. *Direktorat jenderal bimbingan masyarakat Islam dan direktorat pemberdayaan wakaf* (1st ed.) (p. 82). Indonesia: Kementerian Agama Republik Indonesia.

10 Robert K. Yin. (1994). *Case study research design and methods* (2nd ed.) (p. 13). Amerika Syarikat: Sage Publications.



informan yang menyokong penelitian penyelidik terhadap polisi dan dokumen perundangan yang berkaitan. Hal ini bertujuan mendapatkan maklumat yang jelas tentang pelaksanaan wakaf pendidikan di negara tersebut.

Bagi mencapai objektif kajian, data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah tematik, iaitu dijelaskan melalui kata atau frasa dengan mengenal pasti dan menghuraikan idea yang jelas atau tersirat yang terdapat dalam data.¹¹ Data tersebut adalah berdasarkan makluman daripada informan tentang polisi perundangan penubuhan sesebuah institusi pendidikan tinggi yang berasaskan wakaf.

PENUBUHAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI WAKAF DI MALAYSIA

Pembangunan pendidikan tinggi pada peringkat kebangsaan menyumbang kepada pembangunan negara. Terdapat sarjana yang menyatakan pembangunan pendidikan tinggi boleh memberikan kesan terhadap pembangunan ekonomi di sesebuah negara.¹² Di Malaysia, institusi pendidikan wakaf kebanyakannya ialah sebuah organisasi atau institusi yang ditubuhkan melalui sumbangan masyarakat Islam yang dibina di atas tanah atau bangunan yang diwakafkan untuk tujuan pendidikan Islam. Tambahan pula, institusi pendidikan wakaf yang dahulunya tidak begitu menyerlah dan menonjol, kecuali dalam sistem pengajian pondok masih mengamalkan sistem pendidikan tradisional.¹³

Perkara yang berkaitan dengan wakaf pendidikan tinggi dan endowmen juga dinyatakan secara jelas dalam Pelan Pembangunan

11 Greg Guest, Kathleen M. MacQueen, & Emily E. Namey. (2012). *Applied thematic analysis* (p. 10). Amerika Syarikat: Sage Publications Ltd.

12 Oppong Seth. (2013). Should Higher Education Institutions (HEIS) serve national economic needs? Why and why not?. *GESJ: Education Science and Psychology*, 90.

13 Ahmad Zaki, Norzaidi, & Che Zuina. (2008). Pengurusan harta tanah dan potensinya ke arah kemajuan pendidikan Islam di Malaysia. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 25 – 61.



Pendidikan Malaysia 2015 – 2025¹⁴ untuk memastikan kemampuan kewangan kerajaan. Pelan ini menyatakan bahawa kerajaan akan menyediakan dana berasaskan prestasi, melaksanakan pembaharuan mekanisme pembiayaan pelajar dan menggalakkan IPT untuk mempelbagaikan sumber pendapatan dengan memberikan insentif kepada penubuhan tabung endowmen dan wakaf, selain menggalakkan sumbangan kepada IPT.

Pelbagai usaha dilaksanakan oleh Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) untuk mewujudkan tabung wakaf di universiti bagi menanggung pengurangan kadar pembiayaan kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) yang hanya memperuntukkan RM13.378 bilion dalam Bajet 2016 berbanding dengan RM15.785 bilion dalam Bajet 2015. Universiti awam dilihat perlu menambah dana melalui sumber kewangan alternatif termasuk sumbangan daripada perbadanan, sektor swasta atau alumni. Pendekatan ini bukan sahaja dapat memperkukuh kerjasama antara universiti dengan pihak industri, malahan meningkatkan kesesuaian dan kualiti pengajaran dan penyelidikan.¹⁵ Antara usaha Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) termasuklah menyediakan manual penubuhan universiti berasaskan wakaf dengan pelancaran *Purple Book*¹⁶ yang menjelaskan pelan tindakan dan garis panduan penubuhan universiti berasaskan wakaf. Rentetan itu, Datuk Seri Idris Jusoh, Menteri Pendidikan Tinggi pada ketika itu mengeluarkan kenyataan bahawa, “Setiap universiti perlu menubuhkan tabung wakaf menjelang akhir tahun 2016 bagi menjana pendapatan menerusi

14 Kementerian Pendidikan Tinggi, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi) (p. 14). Putrajaya: Kementerian Pendidikan Tinggi.

15 Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. (2010). *Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011 – 2015* (p. 232). Putrajaya: Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

16 Kementerian Pengajian Tinggi. (n.d.). (Abridged version) The University Transformation Programme (UniTP) Purple Book - enhancing university income generation endowment and *waqf*. Retrieved from <https://www.mohe.gov.my/en/> at 18 Julai 2016.



aktiviti komersial.”¹⁷ Dalam konteks ini, Profesor Dr. Ismail Omar berpandangan pihak KPT perlu merangka polisi Wakaf Pendidikan Tinggi bagi tujuan penyeragaman dan panduan kepada semua pihak seperti yang dijelaskan:

Pihak Kementerian Pendidikan Tinggi perlu merangka Polisi Wakaf Pendidikan Tinggi untuk maksud penyeragaman. Polisi sebegini perlu diadakan untuk menjadi panduan semua pihak. Seterusnya, polisi yang dibina boleh digunakan untuk memandu dan memacu pembangunan Tabung Wakaf Pendidikan Tinggi.¹⁸

Kepentingan mewujudkan polisi ini juga dimasukkan dalam Resolusi 1, Seminar Pembiayaan dan Pembangunan Wakaf IPT 2017 (SWIPT'17) yang diadakan di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya pada 23 – 24 Mei 2017 yang merumuskan:

Bagi menjayakan wakaf pendidikan tinggi sebagai agenda nasional Kementerian Pendidikan Tinggi, wakaf pendidikan tinggi hendaklah dijadikan dasar negara yang jelas dengan melibatkan semua pihak yang berkepentingan.

Dari sudut perundangan negara, perkara yang berkaitan dengan pendidikan tinggi dijelaskan dalam jadual kesembilan, senarai 1, senarai persekutuan, perkara 13(a) Perlembagaan Persekutuan¹⁹ yang memberikan tafsiran “pelajaran” sebagai pelajaran rendah, menengah dan universiti, serta memajukan pengajian dan penyelidikan khas, pertubuhan sains dan sastera. Peruntukan ini menunjukkan bahawa hal yang berkaitan dengan pendidikan tinggi diletakkan di bawah bidang kuasa kerajaan persekutuan yang terletak di bawah KPTM. Antara bidang kuasa KPTM termasuklah menggubal dan melaksanakan dasar yang berkaitan dengan pengajian tinggi. Selain itu, KPTM juga berperanan mengawal dan mengawasi IPTA, institusi pengajian tinggi

17 Idris Jusoh. (2016, 24 Ogos). Dana wakaf biaya universiti. *Berita Harian*, p. 14.

18 Ismail Omar. (2016, 8 September). Cabaran tabung wakaf universiti awam. *Utusan Online*. Retrieved from <http://www.utusan.com.my>.

19 Jadual kesembilan, senarai I, senarai persekutuan, perkara 13(a) Perlembagaan Persekutuan.



swasta (IPTS) dan kolej universiti. Dalam konteks ini, IPT bermaksud sesuatu institusi pendidikan yang ditubuhkan atau tidak ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis termasuklah institusi pendidikan swasta yang menyediakan pendidikan tinggi yang membawa penganugerahan sijil, diploma, ijazah atau yang setaraf dengannya.²⁰

Penubuhan dana wakaf di Malaysia secara umumnya bertujuan menerima aset, wang tunai, saham dan aset kewangan dari dalam dan luar negara bagi membiayai biasiswa, pinjaman dan urusan pengembangan dana seperti aktiviti pelaburan.²¹ Antara universiti awam yang menubuhkan tabung wakaf termasuklah Dana Waqaf dan Endowmen UKM yang ditubuhkan di bawah Yayasan Canselori yang mengumpulkan lebih RM400 000 sejak penubuhannya pada tahun 2010. Dana Wakaf Ilmu yang dikelolakan oleh Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN) di Universiti Putra Malaysia (UPM) pula berjaya mengumpulkan dana wakaf sebanyak RM8.1 juta sejak penubuhannya pada tahun 2011. Sementara itu, Dana Wakaf Al-Abrar yang diperkenalkan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berjaya mengumpul sebanyak 3.93 juta sejak penubuhannya pada tahun 2013 dan kini, lebih daripada RM12 juta dana wakaf berjaya dikumpulkan.²² Selain itu, Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) turut menubuhkan tabung wakaf pada Oktober 2016,²³ manakala universiti awam lain masih dalam proses penubuhan tabung dana wakaf.

Terdapat beberapa buah negeri menubuhkan suatu entiti wakaf bagi menguruskan harta wakaf secara cekap dan berkesan seperti Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) di bawah Majlis Agama Islam

20 Akta Majlis Pendidikan Negara 1996.

21 Najibah Mustaffa, & Mod Zamro Muda. (2014). Pengurusan wakaf pendidikan di institusi pengajian tinggi Malaysia: Satu sorotan literatur. *Jurnal UMRAN*, 50.

22 Fazurawati Che Lah. (2017, 24 April 2017). Pemahaman masyarakat masih rendah. *Harian Metro*.

23 n.n. (2016, 21 Oktober). KPT sasar UA wujud tabung wakaf sendiri. *Berita Harian* (Dewan Rakyat), p. 8.



Selangor (MAIS). PWS ditubuhkan di bawah seksyen 4(1)(a)²⁴ Enakmen Wakaf Negeri Selangor 2015 yang menyatakan bahawa majlis mempunyai kuasa untuk mewujudkan perbadanan. Maksud perbadanan juga dijelaskan dalam seksyen 2 Enakmen Wakaf Selangor 2015²⁵ sebagai PWS. Menurut informan di PWS, bahagian yang bertanggungjawab menguruskan perkara yang berkaitan dengan kerjasama antara pihak PWS dengan IPT di Selangor ialah Unit Korporat di bawah Bahagian Pemasaran dan Dakwah PWS.²⁶ Hal ini menunjukkan bahawa segala usaha untuk melaksanakan tabung dana wakaf IPT di Selangor perlu mendapatkan kebenaran untuk mentadbir dan menguruskan harta wakaf IPT melalui PWS.

Antara syarat bagi IPT di Malaysia mewujudkan tabung dana wakaf termasuklah IPT perlu memohon hak sebagai wakil naziran atau pentadbir harta wakaf daripada pihak MAIN yang akan bertindak sebagai pemegang amanah tunggal seperti yang dijelaskan dalam undang-undang setiap negeri. Contohnya, seksyen 32 Enakmen Wakaf Negeri Melaka 2005, seksyen 5 Enakmen Wakaf Negeri Sembilan 2005 dan seksyen 4(1) Enakmen Wakaf Negeri Selangor 2015 yang menyatakan bahawa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) berperanan sebagai pemegang amanah tunggal aset wakaf di setiap negeri. Tambahan pula, di setiap negeri, MAIN mempunyai unit yang khusus menguruskan harta wakaf, membangunkan, menyelenggarakan serta melabur harta wakaf supaya berkembang dan dapat dimanfaatkan oleh semua umat Islam.²⁷

Selain itu, setiap keputusan berkenaan dengan pembangunan harta wakaf dan kutipan dana wakaf yang akan dilaksanakan di IPT hendaklah mendapat kebenaran daripada pihak Lembaga Pengurusan Universiti (LPU) bagi setiap IPT yang terlibat. Hal ini dinyatakan dalam jadual pertama, seksyen 16(1) Akta Universiti dan Kolej

24 Seksyen 4(1)(a) Enakmen Wakaf Negeri Selangor 2015.

25 Seksyen 2 Enakmen Wakaf Negeri Selangor 2015.

26 Abu Bakar Yang (Ketua Pegawai Eksekutif PWS) (2016, 13 September). Personal Interview.

27 Anan C. Mohd. (2015). Relevankah kaedah berwakaf masa kini. Paper presented at Persidangan Wakaf Peringkat Kebangsaan, Yayasan Waqaf Malaysia, 2 – 3 Disember.



Universiti (AUKU) 1971²⁸ bahawa tugas sebagai lembaga atau LPU adalah menjadi badan kerja bagi universiti, dan boleh menjalankan segala kuasa yang diberikan kepada universiti, kecuali setakat kuasa itu diberikan oleh perlembagaan atau statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan kepada sesuatu pihak berkuasa atau badan lain atau kepada seseorang pegawai universiti. Jadual pertama, seksyen 4(1)(r) AUKU 1971²⁹ turut menjelaskan kuasa universiti yang berhak melakukan segala perkara yang perlu untuk memajukan pengajaran, penyelidikan, kewangan, pentadbiran, kebajikan dan tata tertib di universiti.

Begitu juga dalam seksyen 48(1) Perlembagaan Universiti³⁰ berkenaan dengan Kuasa Lembaga untuk mendapatkan dana, menerima hadiah, dan sebagainya. Hal ini menunjukkan bahawa universiti mempunyai kuasa untuk membuat kutipan dana bagi tujuan membantu kewangan universiti. Oleh itu, kutipan dana wakaf juga termasuk dalam perkara berkaitan yang akan membawa kebaikan kepada pihak universiti. Peruntukan ini menjelaskan bahawa:

Lembaga boleh bagi pihak universiti mendapatkan dana bagi aktiviti akademik dan penyelidikan universiti dan menerima sebagai pemberian, hadiah, pemberian berwasiat, subsidi, legasi atau selainnya, harta atau wang bagi membantu kewangan universiti atas apa-apa syarat sebagaimana yang ditetapkan olehnya.

Universiti Putra Malaysia (UPM) merupakan antara IPTA di Selangor yang mendapat kebenaran menguruskan dan mentadbir harta wakaf daripada PWS. Berdasarkan seksyen 4(1)(b) Enakmen Wakaf Negeri Selangor 2015,³¹ MAIS boleh melantik atau memberikan kebenaran bertulis kepada mana-mana orang untuk menjadi pentadbir atau pengurus dan memegang apa-apa *mawquf* bagi pihaknya. UPM mendapat kebenaran daripada MAIS sebagai pentadbir harta wakaf

28 Seksyen 16, Jadual Pertama Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.


29 Seksyen 4(1)(r), Jadual Pertama Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

30 Seksyen 48(1) Perlembagaan Universiti Malaya; Perlembagaan Universiti Putra Malaysia; dan Perlembagaan Universiti Sains Islam Malaysia.

31 Seksyen 4(1)(b) Enakmen Wakaf Negeri Selangor 2015.

sejak tahun 2011. Namun begitu, segala urusan yang berkaitan dengan wakaf di IPT terletak di bawah bidang kuasa PWS yang dilantik oleh MAIS berdasarkan seksyen 4(1)(a) Enakmen Wakaf Negeri Selangor 2015, iaitu majlis mempunyai kuasa untuk mewujudkan perbadanan.

Tambahan lagi, menurut informan,³² antara syarat penubuhan tabung wakaf termasuklah satu perjanjian persetujuan (MOA) perlu ditandatangani oleh kedua-dua pihak antara UPM dengan PWS sebagai bukti kerjasama. Setiap terma perjanjian perlu dijelaskan dalam surat perjanjian tersebut supaya tidak berlaku pertikaian kelak. Perjanjian tersebut akan disemak melalui Pejabat Penasihat Undang-undang UPM sebelum dibawa kepada Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU). Setelah diluluskan oleh JPU, perjanjian tersebut dibawa kepada Lembaga Pengarah Universiti (LPU) untuk diluluskan dan dibawa kepada PWS untuk ditandatangani bersama.



Jadual 1 Prosedur mengadakan perjanjian (MOA) bagi penubuhan tabung wakaf antara UPM dengan PWS.³³

Contohnya, Pusat Pembangunan dan Pembiayaan Wakaf (PPPW) di USIM yang menguruskan Dana Wakaf Al-Abrar memberikan peluang kepada masyarakat untuk melaksanakan amalan berwakaf dalam bentuk tunai melalui Potongan Gaji Skim Wakaf Tunai. Inisiatif ini selari dengan usaha USIM untuk menerajui dan menggalakkan pembiayaan pembangunan wakaf kerana PPPW ialah badan yang akan menguruskan kutipan dan agihan tabung amanah wakaf USIM menurut keputusan Majlis Wakaf USIM, Majlis Agama Islam Negeri

32 Nurul Iman Ibrahim (Ketua Seksyen Dana Wakaf Ilmu). (2016, 10 November). Personal Interview.

33 Nurul Iman Ibrahim (Ketua Seksyen Dana Wakaf Ilmu). (2016, 10 November). Personal Interview.

Sembilan (MAINS) dan Jawatankuasa Dana Wakaf Al-Abrar.³⁴

Pihak USIM yang dilantik sebagai *mutawalli* berdasarkan seksyen 33(a)(b) Enakmen Wakaf Negeri Sembilan 2005³⁵ menyatakan bahawa majlis atas nasihat Panel Penasihat boleh melantik ejen ataupun individu untuk membangunkan dan menguruskan harta wakaf. Tambahan pula, ejen dan badan tersebut boleh mengagihkan dan menguruskan manfaat, faedah atau keuntungan mana-mana mawquf demi kepentingan mawquf. Menurut informan³⁶ di USIM, permohonan USIM sebagai *mutawalli* yang diluluskan pada 22 Julai 2013 tidak mempunyai tempoh sebagai *mutawalli*. Syaratnya, pihak USIM hanya perlu menyediakan laporan kewangan bagi setiap tiga bulan untuk dihantar kepada pihak MAINS yang merupakan pemegang amanah tunggal bagi aset wakaf di Negeri Sembilan. Status sebagai *mutawalli* ini membenarkan pihak universiti untuk menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan wakaf. Menurut informan³⁷ lain, segala aktiviti dan pembangunan yang melibatkan wakaf di USIM juga perlu mendapatkan kelulusan daripada LPU terlebih dahulu sebelum dimaklumkan kepada pihak MAINS.

Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) juga tidak ketinggalan menggunakan instrumen wakaf bagi menjana pendapatan. Beberapa universiti swasta di Malaysia ditubuhkan sepenuhnya menggunakan instrumen wakaf. Antaranya termasuklah Kolej Universiti Bestari (*University College Bestari*) di Bandar Permaisuri, Terengganu, sebuah universiti wakaf khusus untuk anak yatim dan pelajar miskin. Universiti wakaf ini ditubuhkan melalui Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) yang dikenali sebagai Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim

34 Zaini Othman. (2015, 1 April). Portal Berita USIM. Retrieved from <http://news.usim.edu.my/berita-kampus/item/596-usim-perkenal-potongan-gaji-skim-wakaf-tunai-dana-wakaf-al-abrar> at April 2015.

35 Seksyen 33(c) Enakmen Wakaf Negeri Sembilan 2005.

36 Profesor Dato' Dr. Haji Mohammad Haji Alias dan Dr. Asma Abdul Rahman (Pegawai PPPW dan Bahagian Perhubungan Luar PPPW). (2015, 7 September). Personal Interview.

37 Yuhani Jamiran (Penasihat Undang-undang Universiti Sains Islam Malaysia). (2016, 30 November). Personal Interview.



Malaysia (PEYATIM) pada tahun 1998.³⁸ UCB mendapat kebenaran Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) untuk melakukan jualan wakaf bagi 120 hektar tanah miliknya untuk memberikan peluang kepada umat Islam berwakaf.³⁹ PEYATIM mengadakan kolaborasi bersama-sama beberapa badan kerajaan, iaitu Pos Malaysia, Bank Simpanan Nasional, MYDIN, Bank Rakyat dan Bank Islam⁴⁰ bagi membantu proses mempromosikan jualan tanah bagi tujuan wakaf. Dana dikumpul melalui Yayasan Waqaf Pendidikan Anak Yatim dan Miskin Malaysia (YAWATIM) yang ditubuhkan pada 2 November 2011 di bawah seksyen 16(4) Akta Syarikat 1965. Presiden PEYATIM merangkap Pengerusi Eksekutif YAWATIM menyatakan sehingga hari ini YAWATIM mengumpul dana wakaf sebanyak 13 juta yang diterima daripada lebih kurang 2000 penderma atau pewakaf dari seluruh negeri di Malaysia.⁴¹

Begitu juga Universiti Islam Malaysia (UIM) adalah antara universiti wakaf yang ditubuhkan melalui Majlis Universiti Islam Malaysia (UIM) dan didaftarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai universiti swasta di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 pada 13 Julai 2014. Penubuhan UIM adalah antara yang diputuskan dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-222 pada tahun 2010 yang asalnya dikenali sebagai Kolej Islam Malaya (KIM) yang ditubuhkan pada tahun 1955.⁴² Penubuhan UIM bermula

38 Rohayati Hussin, Rusnadewi Abdul Rasid, & Nur Inayah Yaakub. (2016). Exploratory study on *waqf* implementation in Malaysia public and private universities: With special reference to Turkish Universities. *International Journal of Business, Economics and Law*, 16 – 23.

39 n.n. UCB bakal universiti wakaf pertama di Malaysia. Retrieved from http://www.bernama.com/bernama/state_news/bm/news.php?id=1084172&cat=tm at 5 Mei 2016.

40 n.n. Yawatim. Retrieved from <http://yawatim.com/index.html>. at 11 Jun 2017.

41 Dwi Sari Mutiara, Ab. Aziz, & Ahmad Shaifful. (2016). Pembangunan wakaf pendidikan di University College Bestari, Terengganu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 1, 1 – 17.

42 Siti Umairah Ali Hamdan. (2016). *Konsep dan pelaksanaan wakaf korporat di institusi pengajian tinggi di negeri Selangor: Kajian menurut perspektif perundangan* (Unpublished master dissertation) (p. 108). Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.



daripada KIM dengan menggunakan dana wakaf seperti tanah wakaf yang diperoleh sejak tahun 1955 dan masih lagi kekal hingga ke hari ini. Kolej Islam Sultan Azlan Shah (KISAS) yang terletak di Klang Selangor juga merupakan antara tanah wakaf milik UIM yang disewakan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia.⁴³ Pihak UIM menerima dana wakaf berjumlah RM5.18 juta daripada tujuh pihak yang terdiri daripada syarikat, pertubuhan dan individu.⁴⁴ Tambahan lagi, merujuk surat bertarikh 15 Mei 2014, UIM memohon dan memperoleh pengiktirafan sebagai wakil naziran MAIS bagi menguruskan wakaf sedia ada dan harta wakaf yang akan diperoleh pada masa akan datang.⁴⁵

Sesungguhnya, bagi menjayakan usaha membangunkan IPT yang berasaskan wakaf pada masa akan datang, masyarakat perlu diberikan kefahaman tentang konsep, peranan dan matlamat harta wakaf agar penubuhannya mengikut perundangan yang ditetapkan. Bagi memastikan sesuatu institusi wakaf itu berjaya dilaksanakan, kesedaran tentang pentingnya menjaga dan memelihara harta wakaf wajar diterapkan dalam kalangan masyarakat, khususnya pihak berwajib.

POLISI DAN PERATURAN PENUBUHAN IPT WAKAF DI INDONESIA

Dewasa ini, pembangunan wakaf di Indonesia dilihat semakin berkembang meskipun berhadapan dengan beberapa cabaran. Oleh sebab sistem pendidikan di Indonesia dilihat bermasalah, masyarakat mula mengambil inisiatif untuk menyelesaikannya sama ada secara

43 Rohayati Hussin, Rusnadewi Abdul Rashid, & Noor Inayah Yaakub. (2015). Paper presented at ISDEV International Islamic Development Management Conference (IDMAC 2015), Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Disember 2015.

44 Hasyeilla Abd. Mutalib *et al.* (2016). Universiti Islam Malaysia: Transformasi pembangunan institusi wakaf pendidikan. *Jurnal Pengurusan JWZH*, 10.

45 Siti Umairah Ali Hamdan. (2016). *Konsep dan pelaksanaan wakaf korporat di institusi pengajian tinggi di negeri Selangor: Kajian menurut perspektif perundangan* (Unpublished master dissertation) (p. 108). Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.



individu atau berorganisasi. Kesannya, pelbagai yayasan yang tidak berasaskan keuntungan ditubuhkan untuk membantu masyarakat dalam bidang sosial dan pendidikan.⁴⁶ Pelbagai usaha dilaksanakan untuk memperkasakan institusi wakaf di kebanyakan pesantren dan sistem pendidikan yang secara tidak langsung mendidik masyarakat Indonesia untuk menyumbang dan melaksanakan amalan berwakaf.

Undang-undang yang berkaitan dengan wakaf dijelaskan dalam Undang-undang No. 41 Tahun 2004 setelah pelbagai reformasi perundangan yang berkaitan dengan wakaf dilaksanakan.⁴⁷ IPT di Indonesia yang dikenali sebagai Perguruan Tinggi dan undang-undang yang berkaitan dengannya dijelaskan dalam Undang-undang Pendidikan Tinggi⁴⁸ yang terbahagi kepada dua, iaitu Perguruan Tinggi Negeri yang dimiliki oleh kerajaan dan Perguruan Tinggi Swasta yang dimiliki oleh masyarakat yang dibina melalui yayasan.

Kebanyakan institusi pendidikan tinggi berasaskan wakaf di Indonesia, termasuk institusi pendidikan tinggi swasta yang bermula dari madrasah berkembang sehingga ke peringkat pendidikan tinggi. Penubuhannya mestilah dibina berasaskan yayasan seperti yang dijelaskan dalam Undang-undang No. 16 Tahun 2001⁴⁹. Perundangan ini menjelaskan peranan yayasan yang menguruskan dana untuk organisasi dan tujuan penubuhannya adalah untuk menerima dana wakaf untuk segala aktiviti, dan turut menerima dana daripada kerajaan bagi tujuan pendidikan.⁵⁰ Walau bagaimanapun, nazir bagi IPT berasaskan wakaf terletak di bawah seliaan Badan Wakaf Indonesia (BWI) seperti yang dijelaskan dalam pasal 49 Undang-undang No. 41 Tahun 2004⁵¹ yang menjelaskan kedudukan dan tugas BWI sebagai

46 Hairulfazli Mohd. Isa, & Ismail Mokhtar. (2014). Wakaf dan pendidikan di Indonesia. In *Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014)*.

47 Siah Khosyi'ah. (2010). *Wakaf dan hibah perspektif ulama fiqh dan perkembangannya di Indonesia* (p. 209). Bandung: Pustaka Setia.

48 Undang-undang Pendidikan Tinggi No. 12 Tahun 2012.

49 Undang-undang berkenaan penubuhan yayasan.

50 Aden Rosadi. (2016, 29 September). (Pensyarah UIN Sunan Gunung Djati, Bandung Indonesia). Personal Interview.

51 Fasal 49 Undang-undang No. 41 Tahun 2004.



lembaga berkecuali yang berhak melantik dan memberhentikan nazir wakaf. Pada masa yang sama, nazir wakaf juga hendaklah dilantik atas saranan menteri dan Majlis Ulama Indonesia.

Antara contoh IPT berasaskan wakaf yang ditubuhkan di Indonesia termasuklah Pondok Modern Darussalam Gontor (PMDSG) yang seterusnya membawa kepada penubuhan institusi pendidikan tinggi, iaitu Universiti Islam Darussalam (UNIDA) yang dikenali sebagai Kuliyyah Perguruan Tinggi yang bersifat pesantren. UNIDA yang didirikan pada 17 November 1963 oleh Trimurti Pendiri⁵² PMDSG diletakkan di bawah pengelolaan Badan Wakaf Pondok Modern Darussalam Gontor.⁵³ Menurut informan, undang-undang akan dirujuk mengikut keperluan kerana UNIDA ditubuhkan sebagai sebuah Kuliyyah Pengurusan Tinggi Swasta yang ditanggung sendiri oleh pihak universiti bebas untuk menguruskan pentadbiran dan kewangannya dan mendapat pengiktirafan kerajaan melalui Badan Akreditasi Nasional.

Selain itu, Universiti Islam Malang (UNISMA) turut menubuhkan Badan Wakaf selama lapan tahun di bawah seliaan Yayasan UNISMA. Antara aktiviti yang dilaksanakan oleh Yayasan UNISMA termasuklah wakaf produktif dan mengadakan kerjasama dengan pemerintah Indonesia melalui Kementerian Agama Republik Indonesia untuk menyediakan dana wakaf. Tambahan pula, pihak Yayasan UNISMA juga pernah memperoleh dana melalui geran daripada Kementerian Desa untuk membuat peta bagi kawasan desa di setiap kabupaten, selain pernah memperoleh geran yang disediakan daripada Kementerian Pendidikan.⁵⁴ Menurut informan lagi, mengikut Undang-undang No. 41 Tahun 2014, mana-mana badan atau pengelola tidak dibenarkan untuk mengumpul dana wakaf tunai kecuai dengan keizinan BWI. Pengelola badan wakaf juga hendaklah memastikan supaya dana yang dikumpulkan tidak melebihi 10 juta Rupiah, manakala dana sedekah, zakat dan infak bebas dikumpulkan.

52 Pengasas PMDSG.

53 Hamid Fahmy, & Amal Fathullah Zarkasyi (Pengelola Badan Wakaf PMDSG). (2015). Personal Interview.

54 Junaidi Mistar (Pengelola Yayasan UNISMA). (2015). Personal Interview.



Selain itu, Universiti Islam Yogyakarta menubuhkan Yayasan Badan Wakaf (YBW) untuk menguruskan dana bagi tujuan pendidikan. Sebelum penubuhan yayasan tersebut, pihak universiti menerima banyak dana wakaf berbentuk harta alih dan harta tak alih yang digunakan bagi tujuan pendidikan.⁵⁵ Menurut informan, wang sumbangan daripada ibu bapa mahasiswa yang diterima akan digunakan bagi membina bangunan untuk kegunaan pendidikan, meskipun pada hakikatnya sumbangan yang diterima dalam bentuk dana wakaf itu merupakan wakaf tunai. Pihak YBW turut menerima bantuan daripada kerajaan. Menurut informan lagi, terdapat undang-undang khusus berkenaan dengan penubuhan yayasan. Mana-mana institusi yang memiliki yayasan mestilah melantik pengarah, pengurus dan pentadbir dalam pengurusan.⁵⁶ Walau bagaimanapun, menurut beliau, undang-undang khusus berkenaan dengan yayasan ini masih lagi umum dan tidak menjurus dalam bidang pendidikan kerana undang-undang penubuhan yayasan yang berasaskan pendidikan berbeza daripada yayasan lain. Undang-undang berkenaan dengan wakaf mengguna pakai Undang-undang No. 41 Tahun 2004⁵⁷ yang boleh diakses melalui internet.

IPT berasaskan wakaf di Indonesia mestilah ditubuhkan melalui yayasan seperti yang termaktub dalam undang-undang. Hampir kesemua IPT berasaskan wakaf di Indonesia dilaksanakan oleh IPT swasta. Meskipun demikian, pihak IPT tersebut juga boleh menerima dana daripada pihak Kerajaan Republik Indonesia dan mestilah melalui prosedur yang ditetapkan oleh pihak kerajaan.⁵⁸

PENGURUSAN WAKAF PENDIDIKAN MALAYSIA

Berdasarkan perundangan Islam semua negeri di Malaysia, sama ada dalam statut pentadbiran undang-undang Islam ataupun statut wakaf

55 Syafarrudin Alwi, & Luthfi (Pengelola Yayasan Badan Wakaf Universiti Islam Yogyakarta). (2015). Personal Interview.

56 Undang-undang No. 16 Tahun 2001.

57 Undang-undang No. 41 Tahun 2004.

58 Aden Rosadi (Pensyarah UIN Sunan Gunung Djati, Bandung Indonesia). (2016, 29 September). Personal Interview.



negeri masing-masing terdapat peruntukan yang menyatakan bahawa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) adalah sebagai pemegang amanah tunggal bagi semua harta wakaf. Contohnya di Selangor, MAIS diberikan kuasa untuk melantik pihak lain selain MAIS dan PWS untuk menguruskan harta wakaf di Selangor berdasarkan seksyen 4(b) EWS 2015. Peruntukan ini juga menjelaskan bahawa mana-mana pihak yang mahu mentadbir atau menguruskan sesuatu wakaf, sama ada wakaf am atau wakaf khas perlu memohon kebenaran terlebih dahulu daripada MAIS. Sebarang bentuk pengurusan wakaf yang tidak mendapatkan kebenaran daripada pihak MAIS merupakan suatu tindakan yang tidak sah dan bertentangan dengan undang-undang yang dikanunkan. Oleh yang demikian, dari sudut perundangan Islam, MAIN dianggap sebagai nazir yang berperanan memantau kesemua aktiviti dan pelaksanaan wakaf yang dibuat oleh mana-mana pihak di negeri masing-masing. Pihak yang mendapat kebenaran menguruskan wakaf di bawah kategori pengurus atau pentadbir wakaf dikenali sebagai *mutawalli*.⁵⁹

Setiap IPT yang hendak melaksanakan wakaf perlulah memenuhi beberapa keperluan, antaranya termasuklah mendapatkan kebenaran daripada MAIN sebelum suatu kutipan wakaf dilaksanakan. Pada peringkat IPT, beberapa keperluan perlu diselesaikan terlebih dahulu seperti mendapat kelulusan pada peringkat Jawatankuasa Pengurusan (JPU) dan LPU bagi menubuhkan unit wakaf dan operasinya. Sebagai contoh, WAZAN UPM dan Pusat Wakaf dan Zakat (PWZ) USIM yang diurus selia oleh pusat tanggungjawab (PTJ) universiti masing-masing.

Sementara itu, di IPTS, pengurusan wakaf dilaksanakan menerusi penubuhan yayasan. Di Terengganu contohnya, UCB ditubuhkan dan diselia oleh Yayasan Wakaf Pendidikan Anak Yatim atau Miskin Malaysia (YAWATIM), manakala di UIM terdapat dua bahagian yang melaksanakan tugas mencari, mengumpul dan memelihara dana wakaf yang diterima, iaitu Bahagian Dana, Aset dan Wakaf, dan

59 Siti Mashitoh Mahamood. (2017). Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 (Enakmen 15): Satu ulasan menurut perspektif syariah dan undang-undang. *Jurnal Kanun* 29(2), 184.



Yayasan Amanah Universiti Islam Malaysia (YAUIM). Yayasan ini berperanan mengurus, mengumpul, menjana dan memastikan dana tersebut dikembalikan semula kepada universiti.⁶⁰

PENGURUSAN WAKAF PENDIDIKAN DI INDONESIA

Penubuhan universiti berasaskan wakaf di Indonesia ditubuhkan di bawah seliaan yayasan seperti yang dijelaskan dalam Undang-undang No. 16 Tahun 2001.⁶¹ Tujuan penubuhan yayasan tersebut adalah untuk menerima dana wakaf dan menguruskan segala aktiviti yang berkaitan dengan pengurusan wakaf pendidikan di IPT Indonesia. Selain itu, yayasan berasaskan pendidikan yang ditubuhkan di Indonesia juga menerima dana daripada pihak kerajaan.⁶² Berdasarkan perundangan, pelantikan nazir bagi IPT berasaskan wakaf di Indonesia terletak di bawah seliaan Badan Wakaf Indonesia (BWI). Namun begitu, wujud beberapa perbezaan dalam pelantikan nazir harta wakaf di Indonesia dan Malaysia. Di Malaysia, seluruh harta wakaf diletakkan di bawah pengurusan MAIN, manakala di Indonesia pengurusan harta wakaf diurus atau diselia oleh orang perseorangan, organisasi, atau badan undang-undang berdasarkan pasal 9 Undang-undang No. 41 Tahun 2004. Tambahan pula, mana-mana institusi termasuk IPT berasaskan wakaf di Indonesia yang memiliki yayasan mestilah melantik pengarah, pengurus dan pentadbir untuk mengurus selia yayasan tersebut.⁶³

Walaupun terdapat undang-undang yang dikanunkan berkaitan dengan yayasan dan wakaf, pihak IPT di Indonesia masih lagi mempunyai hak untuk menguruskan dana wakaf mereka secara persendirian. Sebagai contoh, pentadbiran dan kewangan Universiti Islam Darussalam (UNIDA) yang berkaitan dengan wakaf diuruskan

60 Siti Umairah Ali Hamdan. (2016). *Konsep dan pelaksanaan wakaf korporat di institusi pengajian tinggi di negeri Selangor: Kajian menurut perspektif perundangan* (Unpublished master dissertation) (p. 109). Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

61 Undang-undang berkenaan dengan penubuhan yayasan.

62 Aden Rosadi (Pensyarah UIN Sunan Gunung Djati, Bandung Indonesia) (2016, 29 September). Personal Interview.

63 Undang-undang No. 16 Tahun 2001.



oleh Badan Wakaf Pondok Moden Darussalam Gontor. Hal ini bermakna, IPT di Indonesia bebas untuk menguruskan sendiri hal yang berkaitan dengan wakaf selagi tidak bertentangan dengan undang-undang yang dikanunkan.

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI

Berdasarkan data yang dinyatakan, didapati tiada polisi dan perundangan khusus yang digubal berkaitan dengan penubuhan IPT berasaskan wakaf bagi kedua-dua negara. Di Indonesia, IPT berasaskan wakaf dilaksanakan oleh IPT swasta dan penubuhannya bermula dari institusi pondok dan madrasah yang dibina menggunakan dana wakaf. Sementara di Malaysia pula, tabung dana wakaf sama ada IPT awam ataupun swasta diwujudkan bagi menampung kos operasi universiti.

Penubuhan IPT berasaskan wakaf di Indonesia mestilah dibuat melalui penubuhan yayasan berdasarkan Undang-undang No.16 Tahun 2001, manakala di Malaysia pula, penubuhan IPT berasaskan wakaf mestilah dibuat berdasarkan undang-undang yang berkaitan dengan wakaf dan MAIN merupakan pemegang amanah tunggal. Berdasarkan amalan, permohonan kebenaran tersebut hendaklah dibuat mengikut negeri di lokasi IPT tersebut beroperasi.

Oleh sebab tiada perundangan khusus berkenaan dengan penubuhan IPT berasaskan wakaf di Malaysia, suatu perundangan dan polisi khusus wajar digubal untuk dijadikan panduan kepada semua pihak, khususnya kepada pihak pentadbiran universiti. Di samping itu, perundangan yang berkaitan dengan universiti seperti Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, dan Perlembagaan Universiti perlu dirujuk. Klausula yang berkaitan dengan sumbangan dan derma didapati relevan berdasarkan pemakaian undang-undang sedia ada.

IPT berasaskan wakaf di Indonesia pula dilihat semakin berkembang meskipun tiada perundangan yang jelas tentang dana wakaf. Penubuhannya di bawah seliaan yayasan seolah-olah menjadi pemegang amanah tunggal menguruskan dana wakaf di Indonesia. Perkara yang sama turut berlaku di Turki. Perlembagaan negaranya memperuntukkan bahawa penubuhan universiti berteraskan wakaf hendaklah dibuat melalui yayasan. Oleh itu, universiti wakaf di Turki

di bawah kategori IPT swasta tidak bermotifkan keuntungan dan pewakafnya diberikan pengecualian cukai melalui yayasan tersebut.⁶⁴

Penubuhan IPT berasaskan wakaf di Indonesia adalah disebabkan timbulnya kesedaran yang tinggi dalam kalangan masyarakat yang pada mulanya berhasrat membantu menyediakan pendidikan yang baik untuk masyarakat setempat. Walau bagaimanapun, apabila sistem pendidikan tersebut terbukti berjaya melahirkan ramai ilmuwan yang berketerampilan, pelaksanaannya disambut baik oleh pihak kerajaan dengan menyediakan infrastruktur dan bantuan yang diperlukan kepada IPT swasta.

Keadaan ini berbeza daripada tahap pendedahan dan kefahaman masyarakat di Malaysia yang membayangkan wakaf hanya berorientasikan masjid, tanah kubur dan institusi sekolah pondok sahaja. Selain itu, institusi wakaf juga dilihat kurang mendapat sambutan kerana usaha pemasaran yang tidak memberangsangkan terhadap produk wakaf. Tambahan pula, masalah kekurangan kakitangan dan tiada pengkhususan kerja, serta kepakaran untuk menguruskan institusi wakaf juga antara cabaran yang melibatkan institusi wakaf di negara ini.⁶⁵

Akhir-akhir ini, usaha memberikan kesedaran mula dilaksanakan oleh MAIN dan juga IPT yang sudah melaksanakan wakaf sama ada di media cetak mahupun media elektronik, khususnya menerusi siaran radio dan televisyen. Masyarakat seharusnya diberikan kesedaran tentang pentingnya wakaf untuk membina kecemerlangan IPT tanpa mengharapkan bantuan sepenuhnya daripada kerajaan. Selain itu, usaha berterusan pihak kerajaan, institusi wakaf dan pihak pentadbiran tertinggi universiti perlu bagi memasarkan produk wakaf sebagai suatu agenda penting, terjamin dan berkembang seiring dengan pasaran global. Penggubalan dasar yang jelas dan undang-undang khusus tentang wakaf IPT perlu diusahakan agar dapat memberikan panduan kepada pihak pengurusan wakaf di IPT dan pihak berkepentingan supaya wakaf dapat dilaksanakan secara lebih berkesan.

64 Siti Mashitoh, & Asmak Ab. Rahman. (2015). Financing universities through *waqf*, pious endowment: Is it possible?. *Humanomics*, 31(4), 43.

65 n.n. (2017, 2 Februari). Cabaran getir wakaf pendidikan. *Utusan Online*. Retrieved from <http://www.utusan.com.my/mobile/2.653/2.680/cabaran-getir-wakaf-pendidikan-1.439398/2.680> at 2 Februari 2017.

KESIMPULAN

Peruntukan yang berkaitan dengan penubuhan institusi pendidikan tinggi berasaskan wakaf yang termaktub dalam dasar dan undang-undang negara perlu dilihat semula agar seimbang dengan aspek lain. Sokongan pihak berkepentingan yang berkaitan dengan wakaf sangat penting untuk memastikan IPT wakaf dapat berfungsi dengan efisien. Usaha memberikan kefahaman tentang peranan dan potensi besar wakaf dalam pembangunan ummah dan negara seperti yang pernah berlaku pada Wakaf Al-Azhar yang pernah membantu negaranya semasa Mesir menghadapi masalah ekonomi pada suatu masa dahulu perlu digiatkan secara berterusan bagi membentuk suatu kefahaman yang jelas dan jitu. Wakaf IPT juga dapat menyuburkan budaya beramal jariah dalam kalangan masyarakat seperti yang diamalkan oleh Turki dan negara Barat seperti di United Kingdom dan Amerika Syarikat yang ternyata hebat dengan dana endowmen mereka. Semoga usaha memperkenalkan instrumen wakaf ini dapat meningkatkan kecemerlangan IPT di Malaysia.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan di bawah Geran LRGS bertajuk “Laws, Policy & Management of Waqf Financing, Investment & Development of Higher Educational Institutions: A Study in Malaysia & Some Selected Countries”. Penyelidik merakamkan sekalung penghargaan kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang menyediakan peruntukan bagi membiayai projek penyelidikan ini di bawah geran penyelidikan LRGS/2013/UKM-UM/S1/02 dan juga dana menerusi Universiti Malaya LR001A-2013B.

RUJUKAN

- Aden Rosadi (Pensyarah UIN Sunan Gunung Djati, Bandung Indonesia). (2016, 29 September). Personal Interview.
- Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555).
- Akta Majlis Pendidikan Negara 1996.
- Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30).



- Ahmad Zaki, Norzaidi, & Che Zuina. (2008). Pengurusan harta tanah dan potensinya ke arah kemajuan pendidikan Islam di Malaysia. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 25 – 61.
- Anan C. Mohd. (2015). Relevankah kaedah berwakaf masa kini. Paper presented at Persidangan Wakaf Peringkat Kebangsaan, Yayasan Waqaf Malaysia, 2 – 3 Disember.
- Ahmad Suwaidi. (2011). Wakaf dan penerapannya di negara Muslim. *Economic: Jurnal Ekonomi dan Hukum Islam*, 1(2), 30.
- Dwi Sari Mutiara, Ab. Aziz, & Ahmad Shaifful. (2016). Pembangunan wakaf pendidikan di University College Bestari, Terengganu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 1, 1 – 17.
- Enakmen Wakaf Negeri Selangor 2015 (Enakmen15).
- Enakmen Wakaf Negeri Sembilan 2005 (Enakmen 2).
- Fazurawati Che Lah. (2017, 24 April 2017). Pemahaman masyarakat masih rendah. *Harian Metro*.
- Greg Guest, Kathleen M. MacQueen, & Emily E. Namey. (2012). *Applied thematic analysis* (p. 10). Amerika Syarikat: Sage Publications Ltd.
- Hairulfazli Mohd. Isa, & Ismail Mokhtar. (2014). Wakaf dan pendidikan di Indonesia. In *Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014)*.
- Hamid Fahmy, & Amal Fathullah Zarkasyi (Pengelola Badan Wakaf PMDSG). (2015, 18 Ogos). Personal Interview.
- Idris Jusoh. (2016, 24 Ogos). Dana wakaf biaya universiti. *Berita Harian*, p. 14.
- Ismail Omar. (2016, 8 September). Cabaran tabung wakaf universiti awam. *Utusan Online*. Retrieved from <http://www.utusan.com.my>.
- Jabatan Perdana Menteri Malaysia. Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011 – 2015 (2010). (p. 232). Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.
- Junaidi Mistar (Pengelola Yayasan UNISMA). (2015, 20 Ogos). Personal Interview.
- Kementerian Agama Republik Indonesia. (2013). Strategi pengembangan wakaf tunai di Indonesia. *Direktorat jenderal bimbingan masyarakat Islam dan direktorat pemberdayaan wakaf* (1st ed.) (p. 82). Indonesia: Kementerian Agama Republik Indonesia.
- Kementerian Pengajian Tinggi. (n.d.). (Abridged version) The University Transformation Programme (UniTP) Purple Book - enhancing university income generation endowment and *waqf*. Retrieved from



- <https://www.mohe.gov.my/en/> at 18 Julai 2016.
- Kementerian Pendidikan Tinggi, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi) (p. 14). Putrajaya: Kementerian Pendidikan Tinggi.
- Laporan Tahunan Majlis Ugama Islam Singapura 2015*. (2015). Retrieved from <http://www.muis.gov.sg/About/annual-report.html> at 10 Jun 2017.
- Najibah Mustaffa, & Mod Zamro Muda. (2014). Pengurusan wakaf pendidikan di institusi pengajian tinggi Malaysia: Satu sorotan literatur. *Jurnal UMRAN*, 50.
- n.n. (2017, 2 Februari). Cabaran getir wakaf pendidikan. *Utusan Online*, Retrieved from <http://www.utusan.com.my/mega/agama/cabaran-getir-wakaf-pendidikan-1.439398> at 2 Februari 2017.
- n.n. (2016, 21 Oktober). KPT sasar UA wujud tabung wakaf sendiri. *Berita Harian* (Dewan Rakyat), p. 8.
- n.n. UCB bakal universiti wakaf pertama di Malaysia. Retrieved from http://www.bernama.com/bernama/state_news/bm/newsphp?id=1084172&cat=tm at 5 Mei 2016.
- n.n. Yawatim. Retrieved from <http://yawatim.com/index.html>. at 11 Jun 2017.
- Nurul Iman Ibrahim (Ketua Seksyen Dana Wakaf Ilmu). (2016, 10 November). Personal Interview.
- Oppong Seth. (2013). Should Higher Education Institutions (HEIS) serve national economic needs? Why and why not?. *GESJ: Education Science and Psychology*, 90.
- Osman Sabran. (2002). *Pengurusan harta wakaf* (p. 9). Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Perlembagaan Persekutuan.
- Perlembagaan Universiti Malaya.
- Perlembagaan Universiti Putra Malaysia.
- Perlembagaan Universiti Sains Islam Malaysia.
- Profesor Dato' Dr. Haji Mohammad Haji Alias dan Dr. Asma Abdul Rahman (Pengarah PPPW dan Bahagian Perhubungan Luar PPPW). (2015, 7 September). Personal Interview.
- Robert K. Yin. (1994). *Case study research design and methods* (2nd ed.) (p. 13). Amerika Syarikat: Sage Publications.
- Rohayati Hussin, Rusnadewi Abdul Rasid, & Nur Inayah Yaakub. (2016). Exploratory study on *waqf* implementation in Malaysia



- public and private universities: With special reference to Turkish Universities. *International Journal of Business, Economics and Law*, 16 – 23.
- Rosnani Hashim. (1990). Ekonomi dan pendidikan: Peranan institusi wakaf. *Jurnal Pendidikan Islam*, 47.
- Shamsiah Abdul Karim. (2010). *Contemporary shari'ah structuring for the development and management of waqf assets in Singapore* (Unpublished doctoral thesis). Durham University, England.
- Shamsiah Abdul Karim. (2011). Contemporary *waqf* administration and development in Singapore: Challenges and prospects. In Monzer Kahf, & Siti Mashitoh Mahamood (Eds.). *Essential readings in contemporary waqf issues* (p. 111). Kuala Lumpur: CERT Publications.
- Siah Khosyi'ah (2010). *Wakaf dan hibah perspektif ulama fiqh dan perkembangannya di Indonesia*. Bandung: Pustaka Setia.
- Siti Mashitoh, & Asmak Ab. Rahman. (2015). Financing universities through *waqf*, pious endowment: Is it possible? *Humanomics*, 31(4), 438.
- Siti Mashitoh Mahamood. (2017). Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 (Enakmen 15): Satu ulasan menurut perspektif syariah dan undang-undang. *Jurnal Kanun* 29(2), 184.
- Siti Umairah Ali Hamdan. (2016). *Konsep dan pelaksanaan wakaf korporat di institusi pengajian tinggi di negeri Selangor: Kajian menurut perspektif perundangan* (Unpublished master dissertation) (p.108). Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Syafarrudin Alwi, & Luthfi (Pengelola Yayasan Badan Wakaf Universiti Islam Yogyakarta). (2015). Personal Interview.
- Yuhani binti Jamiran (Pegawai Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia). (2016, 30 November). Personal Interview.
- Undang-undang No. 41 Tahun 2004, Indonesia.
- Undang-undang No. 16 Tahun 2001, Indonesia.
- Undang-undang Pendidikan Tinggi No.12 Tahun 2012, Indonesia.
- Zaini Othman. (2015, 1 April). Portal Berita USIM. Retrieved from <http://news.usim.edu.my/berita-kampus/item/596-usim-perkenal-potongan-gaji-skim-wakaf-tunai-dana-wakaf-al-abrar> at 10 Jun 2016.

Diperoleh (*Received*): 4 Oktober 2017

Diterima (*Accepted*): 21 November 2017

